

Pasangan baru berkahwin digalak mohon Skim Perumahan Belia

PUTRAJAYA – Pasangan belia baru berkahwin digalak memohon Skim Perumahan Belia yang diperkenalkan sejak Julai lalu.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong berkata, skim tersebut memberi kemudahan kepada pasangan muda untuk memiliki harta kediaman pertama mereka.

“Pasangan belia berkahwin digalak memohon (skim ini), yang menawarkan pelbagai kelebihan berbanding skim atau



TEE YONG

program perumahan lain yang ditawarkan oleh kerajaan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau memberitahu, setakat ini, lebih 200 daripada kira-kira 500 permohonan yang diterima bagi Skim Perumahan Belia telah diluluskan.

Mengulas lanjut, Tee Yong berkata, kelulusan pembiayaan berjumlah RM1 bilion disasarkan menjelang akhir tahun ini dengan tawaran pinjaman

dibuka terhad kepada 20,000 pemohon yang layak.

Bank Simpanan Nasional (BSN) yang mempunyai 401 cawangan di seluruh negara adalah bank tunggal yang dilantik untuk melaksanakan skim tersebut.

Sehingga 30 September ini, sebanyak 273 pinjaman telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan RM69.25 juta.

Menurutnya, tawaran itu terbuka kepada pasangan berkahwin berumur 25 tahun hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebu-

lan dan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 35 tahun atau umur 65 tahun.

“Skim ini juga tidak terhad kepada mana-mana jenis perumahan yang berharga lingkungan di antara RM100,000 dan tidak melebihi RM500,000,” katanya.

Dengan peruntukan daripada kerajaan sebanyak RM96 juta, Skim Perumahan Belia tersebut merupakan perkongsian pintar antara kerajaan dengan BSN, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Gadai Janji Nasional (Cagamas Bhd.). –Bernama